

08 JAN 1997

HASHIMOTO TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari ke Malaysia bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Ketibaan Hashimoto dan anggota rombongannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud selaku menteri pengiring.

Beliau diiringi rombongan 72 anggota termasuk Timbalan Ketua Setiausaha Kabinet Kaoru Yosano dan Timbalan Menteri Luar Shunji Yanai.

Majlis sambutan rasmi untuk Hashimoto akan diadakan di perkarangan Parlimen tengah hari ini.

Hashimoto adalah dalam peringkat kedua rangka lawatan lapan hari ke lima negara Asia Tenggara. Sebelum ini beliau telah melawat Brunei Darussalam dan mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanal Bolkiah.

Negara-negara lain dalam rangka lawatan beliau ialah Indonesia, Vietnam dan Singapura.

Petang ini Hashimoto akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini sebelum menghadiri mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara.

Selepas itu Hashimoto dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Dr Mahathir akan mengadakan majlis makan malam untuk pemimpin Jepun itu di Sri Perdana malam ini.

Hashimoto meneruskan juga usahanya untuk mengukuhkan hubungan dengan Asean walaupun sedang menghadapi krisis tebusan di Kedutaan Jepun di Lima.

-- BERNAMA

NHD SN